



BAB 2

KEDUDUKAN KAMPUNG

2.1 LATAR BELAKANG KAWASAN

Sistem pentadbiran negeri Kedah sama seperti pentadbiran di negeri-negeri lain iaitu mengikut hirarki peringkat negeri, daerah, mukim dan unit terkecil kampung. Negeri jelapang padi ini terdiri daripada 10 buah daerah iaitu Kota Setar, Kubang Pasu, Padang Terap, Langkawi, Yan, Kuala Muda, Sik, Baling, Kulim dan Bandar Baru.

Tapak kajian terletak di Kampung Sungai Layar Ujong di dalam mukim Sungai Petani di daerah Kuala Muda. Daerah ini pernah merupakan daerah yang paling maju dan pernah dicadangkan untuk dinaikkan taraf bandar kira-kira tiga tahun lalu. Di daerah ini terletak bandar Sungai Petani iaitu bandar yang kedua terbesar di Kedah selepas Alor Star. Menurut Pegawai Daerah Kuala Muda, iaitu Dato' Haji Ismail Hj. Shafie, dalam banci yang dibuat pada tahun 1991, didapati jumlah penduduk Kuala Muda telah meningkat kepada 330,000 orang dari 195,000 pada tahun 1980 dan 160,000 pada tahun 1970.

Pihak kerajaan pernah bercadang untuk menaikkan taraf Majlis Daerah Kuala Muda kepada Majlis Perbandaran. Pada masa ini bandar Sungai Petani telah mencapai kriteria-kriteria yang ditetapkan, seperti mempunyai penduduk melebihi 100,000 orang, memperolehi pendapatan melebihi lima juta ringgit setahun dan kemudahan infrastruktur bagi kebajikan rakyat. Difahamkan bahawa pendapatan tahunan bandar ini telah mencapai angka lebih lapan juta ringgit sekarang. Bandar sungai Petani sedang menuju era kemajuan yang semakin pesat dengan ujudnya sebuah kawasan perindustrian iaitu kawasan perindustrian Bakar Arang dan sebuah lagi kawasan sedang dimajukan. Terdapat kira-kira 70 projek

perumahan sedang dilaksanakan di sekitar daerah ini.

Mukim Sungai Petani merupakan tumpuan utama penduduk dan aktiviti perindustrian. Mukim ini seluas 184 km persegi dengan jumlah penduduknya seramai 91,650 orang.

Jadual 2.1 : Jumlah penduduk mengikut etnik, di Mukim Sg. Petani

Etnik	Bilangan
Bumiputra	31,809
Cina	34,137
India	25,534
Lain-lain	161
Jumlah	91,650

Sumber : Pejabat Penghulu Mukim

Penduduk Bandar Sungai Petani sahaja adalah seramai 46,850. Jumlah etnik adalah seperti berikut:

Jadual 2.2 : Jumlah Penduduk mengikut etnik di bandar Sg. Petani

Etnik	bilangan
Bumiputra	8,141
Cina	27,172
India	11,373
Lain-lain	161
Jumlah	46,850

Sumber : Pejabat Penghulu Mukim

Didapati bahawa seramai 51.1 % daripada jumlah penduduk Daerah Kuala Muda terdapat di Pekan Sungai Petani. Majoriti

penduduk di sini adalah dari etnik Cina iaitu seramai 79.6 % daripada keseluruhan penduduk yang menetap di kawasan Sungai Petani diikuti dengan golongan India seramai 44.5 % dan Melayu seramai 25.6 %. Perangkaan ini menunjukkan bahawa sebilangan besar orang-orang Melayu tinggal di kawasan luar bandar.

Dari segi kegunaan tanah, Mukim Sungai Petani, dapat dipecahkan kepada kawasan-kawasan seperti berikut:

Jadual 2.3 : Penggunaan Tanah bagi Mukim Sg. Petani

Jenis	%
Getah	70
Kaw. Pembangunan	15
Sawit	10
Padi	4.5
Hutan Bakau	0.6

Sumber : Pejabat Penghulu Mukim

Pertanian masih lagi menguasai penggunaan tanah di mukim ini. Menurut Penghulu Mukim Sungai Petani, Encik Mansor penggunaan tanah untuk pembangunan semakin meningkat. Sebuah lagi kawasan perindustrian telah dibuka dan beberapa kawasan ladang getah telah dimajukan untuk dijadikan kawasan perumahan.

Pembangunan di bandar ini tidak melupakan kebajikan sosial untuk rakyat. Untuk Mukim Sungai Petani sahaja terdapat 27 buah sekolah menengah dan rendah termasuk sebuah sekolah berasrama penuh, sebuah Maktab Perguruan, Institut Pentadbiran Awam kawasan utara dan sebuah pusat Serenti. Mukim Sungai Petani sedang menuju era pembangunan yang lebih pesat dengan terbinanya sebuah

padang golf yang bertaraf antarabangsa dan menjadi tumpuan golongan elit dari kawasan lain seperti dari Pulau Pinang dan Alor Star.

2.2 GEOGRAFI KAMPUNG

Kampung Sungai Layar Ujong merupakan sebuah petempatan orang Melayu. Dari segi kegunaan tanah, kampung ini boleh dibahagikan kepada 3 kawasan iaitu kawasan bendang yang terletak di sebelah barat, kebun kecil getah di sebelah timur dan tanah kampung di antara dua kawasan ini. Sebatang jalanraya yang siap dibina pada tahun 1984 seolah-olah membahagikan kawasan ini kepada dua iaitu antara kawasan tanah kampung dan bendang di kdir jalan dan kawasan kebun getah di sebelah kanan jalan.

Keluasan sebenar kampung ini tidak diperolehi kerana kajian ke atas peta yang diberi tidak mengandungi sempadan-sempadan yang khusus. Perangkaan isi rumah dan bilangan rumah yang diperolehi dari Pejabat Penghulu Mukim, adalah merangkumi kawasan kampung ini dan kawasan yang bersebelahan dengannya iaitu Jalan Pegawai. Banci untuk kedua kawasan ini adalah seperti berikut:

Jadual 2.4 : Jumlah Penduduk Bagi kawasan Sg. Layar Ujong dan Jalan Pegawai

Etnik	bilangan (Orang)
Bumiputra	5,110
Cina	1,209
India	1,241
Lain-lain	19
Jumlah	7,579
Bil. Rumah	1,515 unit

Sumber : Pejabat Penghulu Mukim, Daerah Kuala Muda

Kawasan kajian terletak di permulaan jalan utama kampung iaitu sepanjang dua kilometer pertama. Di kawasan permulaannya terdapat sebuah klinik bidan dan di hujung jalan pula ialah sebuah masjid yang baru dibina. Had inilah yang digunakan sebagai panduan untuk kawasan kajian. Menurut Penghulu Mukim, penduduk di dalam kawasan ini dianggar seramai 850 orang dengan bilangan rumah sebanyak 74 unit. Anggaran ini dibuat tidak mengikut banci yang sebenar.

Jadual 2.5 : Jadual menunjukkan bilangan lot mengikut keluasan

Keluasan dalam relong	bilangan lot
0.1 - 2.0	3
2.1 - 4.0	21
4.1 - 6.0	28
6.1 - 8.0	7
8.1 - 10.0	1
10.1 - 12.0	4
Melebihi 12.1	3
Jumlah	67

Keluasan tanah yang dikaji adalah seperti di jadual 2.5. Sebanyak 28 lot yang dikaji berada di dalam keluasan 4.1 - 6 relong diikuti dengan 21 lot pada keluasan 2.1 - 4 relong. Didapati di sini bahawa sebanyak 52 lot tanah yang dikaji terletak di bawah 6 relong.

Jumlah-jumlah lot yang tertera di sini tidak bermakna ia dimiliki oleh seorang pemilik sahaja. Proses pembahagian, tukar milik dan pemecahan yang berlaku menyebabkan sesekeping lot itu dimiliki oleh beberapa orang pemilik. Hal ini akan dibicarakan

dalam bab seterusnya yang menitikberatkan kepada kesan pembahagian tanah pusaka.

Kampung ini boleh dikategorikan sebagai kampung yang maju kerana ia mempunyai kemudahan asas seperti elektrik, air paip, telefon, tandas yang sempurna serta mempunyai jalan perhubungan yang baik. Jalan raya bertar di kampung ini siap dibina pada tahun 1986 dengan perbelanjaan sebanyak seratus ribu ringgit. Menurut Penghulu Mukim satu lagi projek yang akan dilaksanakan ialah pembinaan sebuah jambatan yang berharga dua puluh juta ringgit. Jambatan ini akan memendekkan jarak sebanyak 15 km dari Sungai Petani ke Semeling. Permohonan untuk projek ini telah diluluskan. Pembinaan jambatan ini akan memajukan lagi kampung ini apabila ia dijadikan laluan kedua ke Semeling selain jalan utama di Sungai Petani. Perancangan projek ini juga adalah untuk mengurangkan kesesakan di bandar Sungai Petani.

Keperluan sosial juga tidak dilupakan dalam membangunkan kawasan ini. Sebuah klinik bidan kerajaan telah dibina untuk penduduk kampung. Bagi memudahkan penduduk keluar ke bandar pula, perkhidmatan bas awam telah disediakan sejak 3 tahun yang lalu. Oleh kerana masyarakat di sini beragama Islam, sebuah masjid telah dibina yang berharga kira-kira dua ratus ribu ringgit.

Sejak sedekad yang lalu, pembangunan bagi kampung ini telah membawa perubahan yang besar. Kawasan sekitarnya yang dahulu merupakan ladang-ladang getah, kini telah berubah menjadi kawasan perumahan. Dari segi struktur geografinya kedudukan kampung ini bersebelahan dengan kawasan perumahan. Dengan pembinaan jambatan nanti, kampung Sungai Layar Ujong akan menjadi lebih sibuk dan

kemungkinan besar akan berubah wajah apabila kawasan tanah sawah ditebus guna untuk kawasan perumahan.

Satu lagi perancangan yang sedang dilakukan oleh pihak kerajaan ialah membina sebuah sekolah menengah bagi menampung keperluan persekolahan di kawasan ini. Cadangan ini bermula pada tahun 1982 apabila Jabatan Pelajaran Negeri Kedah bercadang untuk membina sekolah dan meminta pihak pejabat tanah menghantar cadangan. Kawasan yang diperlukan seluas 20 ekar. Cadangan dan kajian untuk pembinaan ini masih diteruskan. 3 lot tanah mungkin terlibat secara langsung ialah lot 803, 804 dan 758 yang merupakan kawasan kebun getah. Nilai kawasan ini adalah sebanyak tiga puluh ribu ringgit seekar dan jumlah keseluruhan kawasan terlibat ialah \$787,543.75. Kawasan-kawasan yang dipilih untuk membina sekolah telah dikenal pasti sebagai kawasan di luar simpanan Melayu.

Di dalam analisis geran-geran tanah didapati bahawa lebih kurang 50 lot tanah yang dikaji terletak di dalam kawasan Tanah Simpanan Melayu. Apa yang dimaksudkan dengan Tanah Simpanan Melayu ialah

" Malay reserve land refers to that category of land situated within the territorial boundaries of each state in Peninsular Malaysia which can only be owned or held by Malays "9

⁹ Hj. Salleh Hj. Buang, Malaysia Torrens System, DBP, K.L., 1989, m.s.

Tanah Simpanan Melayu telah diwujudkan pada tahun 1913 setelah enakmen Rizab Melayu yang pertama diluluskan bagi negeri-negeri Melayu Bersekutu. Pada tahun 1933, berlaku perubahan pindaan enakmen 1933. Prinsip umum enakmen 1933 ialah,

" Tanah orang Melayu yang dirizabkan tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau dijual kepada sebarang orang yang bukan Melayu dan memorandum pindah milik, cagaran atau pajakan yang bertentangan dengan seksyen ini tidak boleh didaftarkan dalam mana-mana Pejabat Tanah atau Pejabat Pendaftaran Hak milik"¹⁰

Dengan adanya enakmen Rizab Melayu ini, maka ia dapat menyekat sebarang perubahan hakmilik tanah ini daripada orang Melayu kepada bangsa lain dan seterusnya menegahkan tanah orang-orang Melayu dijadikan sebarang perniagaan. dan untuk menyelamatkan orang Melayu daripada dibebani hutang melalui urusanniaga tanah.

Untuk kawasan kajian ini, sebahagian besar tanah yang dimasukkan di dalam tanah simpanan terletak di sebelah kiri jalan yang didiami oleh orang-orang Melayu. Faedah yang diperolehi daripada pengkelasan ini ialah dapat mengekalkan kedudukan orang Melayu pada tanah yang mereka miliki. Tambahan pula kedudukan kampung semakin pesat membangun dan kedudukan tanah yang strategik untuk diusahakan boleh memberangsangkan penjualan tanah.

¹⁰ Abd. Rahim Awang Kecil, Tanah Rizab Melayu- Hasrat Inggeris ketika merancang, Dewan Masyarakat, Julai 1979. m.s. 44

Kampung Sungai Layar Ujong merupakan sebuah petempatan orang-orang Melayu dan didiami oleh masyarakat yang mempunyai pertalian kekeluargaan. Syed Husin Ali menggambarkan kedudukan kampung Melayu sebagai:

"... appears to be a community or a coherent social unit within all kinds of ties and interactions occur: and although its territorial bases may not be very clearly defined, nonetheless it is quite often definable. This is especially because 'we-group' sentiments often develop among the people, and these are strengthened by the various social, religious, economic and political interactions they have with one another"¹¹

2.2 SEJARAH KAMPUNG

Kampung Sungai Layar Ujong terletak kira-kira enam kilometer dari bandar Sungai Petani. Menurut Encik Ismail, seorang penduduk kampung yang ditemui, beliau mengakui bahawa beliau dilahirkan di kampung ini. Usia beliau adalah 83 tahun. Oleh itu anggaran dapat dibuat kemungkinan Kampung Sungai Layar Ujong ini telah wujud kira-kira seratus tahun dahulu.

¹¹ Syed Husin Ali, *Malay Peasant Society and Leadership*, Oxford University Press, K.L., 1975, m.s. 42.

Nama Sungai Layar Ujong menurutnya berpunca dari kedudukan kampung yang terletak paling hampir dengan Sungai Merbok atau menurut loghat daerah sini "paling ujung". Sejarah lisan yang diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi, nama kampung ini adalah dari aktiviti perahu dan kapal-kapal layar yang melalui sungai tersebut. Perkara ini tidak dapat disangkal kerana sungai adalah jalan perhubungan utama di zaman pra industri.

Apabila dirujuk kembali sejarah Sungai Merbok, didapati bahawa Sungai Merbok merupakan jalan perdagangan sejak kurun ke sebelas lagi Sungai Merbok dan cawangannya Sungai Bujang menyediakan kapal-kapal dengan tempat berlabuh yang baik kerana ianya terlindung dari angin monsun.¹² Pengkalan Bujang adalah sebuah pelabuhan entrepot yang terlibat dalam perdagangan timur barat dari abad kesebelas hingga ke abad empat belas. Maklumat ini diperolehi daripada peninggalan-peninggalan yang ditemui di beberapa tempat di Lembah Bujang dan Candi Batu Pahat. Menurut Nik Hassan Shuhaimi¹³ terdapat banyak tinggalan candi zaman Hindu Buddha di kawasan Lembah Bujang iaitu kawasan yang terletak di selatan Gunung Jerai hingga ke Sungai Merbok. Di Lembah Bujang kawasan yang paling banyak ditemui tinggalan candi ialah di dua belah tebing Sungai Bujang anak kepada Sungai Merbok. Ini menunjukkan bahawa sungai-sungai telah dijadikan jalan

¹² Joginder Singh Jessy, Malaysia, Singapura dan Berunai 1400-1965, Longman Malaysia Sdn Bhd, 1975, m.s. 20.

¹³ Nik Hassan Shuhaimi, Sejarah Penyelidikan Arkeologi di Kedah dan Seberang Perai, Arkib Negara, 1987.

perdagangan dan perhubungan sehingga tempat berhampiran sungai dijadikan tempat persinggahan.

Maklumat-maklumat sejarah ini membenarkan pernyataan penduduk kampung tentang asal-usul nama kampung. Sungai telah dijadikan jalan perhubungan yang penting dan kepentingan itu telah melahirkan nama sebuah kampung.

2.3 KEKELUARGAAN DAN PETEMPATAN

Penduduk kampung ini pada mulanya terdiri daripada tiga atau empat buah rumah sahaja. Kedudukan rumah antara satu sama lain adalah berjauhan dan dihubungi oleh jalan-jalan kecil yang dipanggil denai. Pada waktu malam, penduduk tidak berani keluar kerana takut binatang buas.

Bilangan rumah yang kecil telah bertambah. Perkembangan petempatan di peringkat awal ini berpunca dari perkembangan keluarga nuklear iaitu perkembangan keluarga nuklear kepada keluarga luas. Secara mudahnya keluarga nuklear ialah keluarga asas yang mengandungi sepasang suami isteri dan anak-anak. Keluarga luas pula mengandungi dua atau lebih keluarga asas yang diikat oleh hubungan darah.¹⁴ Pengkaji mendapati hampir 90 % daripada penduduk kampung mempunyai pertalian kekeluargaan. In ~~diakui oleh seorang~~ penduduk kampung, Puan Hajah Kalsom yang memberitahu bahawa di sepanjang jalan utama kampung tersebut didiami oleh penduduk-penduduk yang mempunyai pertalian kekeluargaan. Oleh itu dapat dilihat bahawa sebuah rumah induk

¹⁴ Norazit Selat, Konsep Asas Antropologi, DBP, 1989, m.s. 59.

dikelilingi oleh rumah anak-anak. Misalnya di kampung ini ada satu kawasan yang dikenali sebagai Kampung Tok Khamis. Asalnya tanah tersebut didiami oleh seorang penduduk yang bernama Khamis. Berhampiran dengan rumah tersebut telah didirikan rumah-rumah anak Tok Khamis. Akhirnya kawasan ini dipanggil Kampung Tok Khamis walaupun secara rasminya ia tidak terdapat di dalam peta.

Kajian yang dilakukan oleh S. Husin Ali mendapati bahawa sesebuah kampung Melayu biasanya didiami oleh penduduk yang mempunyai pertalian kekeluargaan. Menurut beliau, kedudukan ini memudahkan mereka meminjam asam garam di waktu kesempitan atau melawat saudara-mara ketika sakit.

"It is quite common to see in some villages the house of an old couple situated by the side of those occupied by the children. Members of these households are closely associated socially with one another, with the parents household acting as a Focal point."¹⁵

Dapat dilihat di sini bahawa peringkat awal petempatan orang-orang Melayu dapat dikaitkan dengan kekeluargaan. Mungkin juga ini disebabkan faktor ekonomi iaitu tenaga kerja diperlukan dalam pengusahaan sawah padi. Adalah perkara biasa di kampung ini kedudukan rumah anak-anak berdekatan atau berada dalam kawasan yang sama dengan rumah ibu bapa.

¹⁵ S. Husin Ali, *Malay Peasant Society and Leadership*, Oxford Uni. Press, K.L., 1975, m.s. 46.

Penduduk di sini mempunyai pertalian yang rapat antara satu sama lain. Dalam pertalian persaudaraan ini ada istilah yang digunakan untuk menggambarkan persaudaraan di antara mereka iaitu saudara dekat atau lebih dikenali di kalangan penduduk di sini sebagai 'adik-beradik dekat'. Semasa temubual dijalankan, responden-responden mengakui mereka mempunyai pertalian kekeluargaan yang dekat iaitu seperti saudara seibu sebapa, sepupu, anak saudara, emak atau bapa saudara dan nenek. Kecenderungan untuk tinggal berdekatan ini dapat dikaitkan dengan pemberian tanah atau warisan tanah daripada ibu bapa.

Seorang responden yang ditemui, Cik Putih Bt. Awang berusia 60 tahun telah membenarkan anak-anaknya seramai tiga orang membina rumah masing-masing di hadapan rumahnya. Kedudukan rumah berkenaan amat rapat antara satu sama lain. Menurut Cik Putih, beliau tidak mahu anak-anaknya tinggal berjauhan. ...Lagipun... menurutnya, tanah yang terdapat mampu menampung rumah-rumah anaknya. Di kiri kanan rumahnya adalah rumah anak-anak saudaranya. Ini merupakan satu contoh bagaimana sebuah keluarga asas berkembang dan menunjukkan bagaimana petempatan berkembang melalui pengaruh kekeluargaan.

Pengkaji merasakan bahawa kedudukan petempatan bukan sahaja disebabkan oleh unsur kekeluargaan tetapi juga faktor ekonomi. Purata umur ibu bapa adalah 60 tahun ke atas dan purata umur anak-anak ialah 35 tahun ke atas. Keseluruhan peringkat ibu bapa di kampung ini terlibat di dalam pertanian sama ada sebagai pesawah, penoreh getah dan lain-lain kerja kampung. Dirujuk kepada perkembangan aliran pendidikan dalam tempoh lima puluh

tahun adalah rendah tambah pula di kawasan luar bandar dan terpencil. Taraf pendidikan untuk anak-anak adalah rendah. Dianggarkan kira-kira 20 % sahaja yang mendapat pendidikan menengah. Golongan ini berjaya melepaskan diri daripada ekonomi keluarga dan bekerja makan gaji seperti guru, tentera serta pegawai kerajaan. Golongan ini keluar dari kawasan kampung dan tinggal di tempat baru.

80 % lagi yang berpendidikan rendah dan tidak berpeluang untuk bekerja makan gaji, akan terus menetap di kampung dan meneruskan pekerjaan keluarga. Golongan ini lebih mahir dengan pekerjaan yang mereka warisi dan yakin dengan apa yang mereka lakukan. Golongan ibu bapa yang telah tua dan uzur, akan menyerahkan tanah kepada anak-anak untuk dikerjakan. Dengan demikian, anak-anak akan berada berdekatan dengan keluarga induk disebabkan oleh pekerjaan yang diwarisi, menolong ibu bapa, dan telah diberi tanah untuk didirikan rumah. Didapati golongan yang membina rumah di kawasan ini merupakan mereka yang bekerja di kampung iaitu sama ada sebagai penoreh, penanam padi, menjual kuih, bertukang dan lain-lain.

Sifat kekeluargaan adalah tebal di kalangan penduduk kampung ini. Masuo Kuchiba menggambarkan kehidupan di kampung sebagai:

" These relationship (close-kin relationships) involve feelings of trust and concern, since kinsmen may depend upon each other's kindness"¹⁶

¹⁶ Masuo Kuchiba ect. Three Malay Villager: A Sosiology of Paddy Growers in West Malaysia, The Uni. Press of Hawaii, 1979, m.s 38

Sifat kekeluargaan ini membawa kepada ujudnya sifat tolong-menolong. Semasa kajian dijalankan, salah seorang penduduk kampung telah meninggal dunia kerana sakit tua. Dapat dilihat di sini sifat penduduk kampung khasnya dan orang-orang Melayu amnya iaitu menziarahi keluarga simati. Penduduk kampung menunggu sehingga mayat dikebumikan. Majlis tahlil kemudiannya diadakan secara beramai-ramai. Begitu juga sekiranya diadakan kenduri, penduduk datang lebih awal dari hari sebenarnya. Konsep tolong menolong masih kuat dipegang. Ini adalah kerana ada perasaan kekeluargaan yang ujud di kalangan penduduk.

2.5 KEGIATAN EKONOMI

Pekerjaan utama ketua-ketua keluarga di sini boleh dibahagikan kepada beberapa jenis. analisis yang dibuat di kalangan ketua-ketua keluarga yang dipilih secara rawak seramai 60 orang adalah seperti berikut:

Jadual 2.6 : Jenis Pekerjaan Penduduk

Pekerjaan	Bil.	%
Menanam padi	37	61.6
Menoreh getah	10	16.7
Berniaga runcit	3	5.0
Tidak bekerja	4	6.7
Lain-lain	5	10.0
Jumlah	60	100.0

Liputan kegiatan ekonomi dilakukan secara umum untuk mendapat gambaran mengenai kedudukan ekonomi masyarakat kampung. Golongan yang diliputi hanya tertumpu kepada ketua keluarga bagi satu-satu isi rumah iaitu mereka yang sepatutnya bekerja untuk mencari nafkah keluarga. Purata umur ketua keluarga ini ialah 45 tahun ke atas. Hasilnya didapati bahawa 61.6 % daripada ketua keluarga yang ditemui terlibat dalam kerja bendang, 16.6 %, 16.7 % menoreh getaah, 5.0 % berniaga runcit, 6.7 % tidak bekerja kerana sudah tua dan uzur. Lain-lain pekerjaan di sini ialah seperti bertukang, menjual kuih, berkebun dan menangkap ikan di sungai sebanyak 10.0 %.

Dapat dilihat bahawa kerja-kerja pertanian merupakan pekerjaan utama penduduk tempatan terutama sekali di dalam penanaman padi. Masyarakat di sini boleh dikelaskan sebagai masyarakat tani. Golongan petani di sini terdiri daripada lapisan golongan tua. Manakala golongan muda lapisan anak-anak lebih berminat bekerja di kilang daripada mengerjakan sektor pertanian.

Ramai golongan muda lebih berminat bekerja di kilang kerana kedudukan kawasan kilang yang berdekatan dengan kampung iaitu hanya 8 hingga 10 kilometer sahaja. Kemudahan bas-bas disediakan untuk pengangkutan pekerja-pekerja. Tetapi apa yang lebih penting ialah gaji tetap yang diterima setiapa bulan. Sebilangan kecil golongan belia di sini bekerja dengan pihak kerajaan seperti guru, tentera, kerani dan ada juga yang masih menuntut. Tumpuan seterusnya ialah kepada pekerjaan utama ketua keluarga.

2.5.1 Penanaman Padi

Penanaman padi merupakan pekerjaan utama ketua-ketua keluarga di sini. 61.6 % terlibat dalam sektor tersebut. Kebanyakan bendang yang diusahakan adalah milik sendiri atau ada petani yang mengusahakan bendang milik keluarga. Maka mereka boleh dikategorikan sebagai masyarakat tani yang menghidupkan tanah.

Mazidah Zakaria melihat masyarakat tani ini dari dua aspek iaitu masyarakat tani sebagai segmen tertentu di dalam masyarakat dan ianya dikenali melalui satu kompleks trait-trait budaya dan nilai-nilai pada dasarnya dihubungkan dengan corak pertanian tradisional tadi. Aspek kedua masyarakat tani boleh ditinjau dari segi bagaimana peralihan-peralihan politik yang berlaku dalam bandar-bandar membawa pula perubahan sosial di kawasan desa. Dalam sistem ekonomi tradisi, kekuatan orang Melayu bergantung kepada pertanian.¹⁷ Konsep pertanian tradisi yang dimaksudkan di sini ialah kegiatan bercucuk tanam secara kecil-kecilan dan keperluan utama usaha pertanian ialah untuk keperluan sara diri, rumahtangga. Asas pertanian yang paling penting ialah menanam padi kerana inilah sumber yang paling penting dalam menentukan hidup mereka.

Adalah benar bahawa masyarakat tani merupakan satu segmen di dalam masyarakat. Mereka merupakan penggerak utama tanah dan menghasilkan satu keluaran ekonomi seperti di dalam tanaman

¹⁷ Wan Abdul Kadir Wan Yusof, Sistem Ekonomi Orang-orang Melayu, Dalam Masyarakat Melayu - Struktur Organisasi dan Manifestasi, DBP, K.L., 1989, m.s. 103.

padi ini. Perubahan-perubahan politik yang berlaku di kawasan bandar dan kemajuan teknikal telah mempengaruhi corak penanaman padi kini.

Kajian-kajian lalu mendapati bahawa penanaman padi adalah melalui beberapa peringkat bermula daripada membajak dengan menggunakan kerbau, menyediakan tapak semaian, proses mengubah anak padi ke bendang dan menanam dengan menggunakan kuku kambing, menyulam, mengawal dari serangan tikus dan akhir sekali kerja-kerja mengerat dan menuai yang menggunakan tenaga manusia. Dalam kegiatan ekonomi tradisional, tenaga buruh bukanlah merupakan suatu persoalan yang penting. Unit famili merupakan unit pengerjaan dan unit penggunaan.

Prosedur kerja ini telah berubah. Apa yang didapati di kawasan kajian, ialah kerja membajak telah menggunakan traktor. Permulaan pekerjaan ini dilakukan di dalam bulan Ogos. Kemudian diikuti terus dengan 'tabur selerak' iaitu benih-benih padi ditabur terus di petak-petak sawah. Di tempat kajian ini tidak ada lagi proses menyemai anak-anak padi. Apabila anak-anak benih mula bercambah, petani menggunakan baja yang disediakan oleh pihak kerajaan. Pada bulan Januari atau Februari, padi-padi boleh dituai dengan menggunakan mesin tuai.

Pihak kerajaan ada memberi subsidi kepada petani-petani iaitu baja sebanyak tiga kampak untuk satu relong dan subsidi jualan sebanyak lima belas ringgit untuk keluaran satu relong ini. Maksimum pengeluaran pada ialah 16 guni serelong. Penuaian tidak lagi menggunakan tenaga manusia tetapi sebaliknya penggunaan jentera tuai. Sewa untuk menuai bagi serelong tanah

ialah sebanyak lima puluh lima ringgit. Selepas siap dituaikan, penduduk kampung menjual kepada Lembaga Padi Negara. Ada penduduk tempatan yang bekerja mengangkut beras padi ini kepada LPN dengan bayaran upah sebanyak dua ringgit seguni. Jumlah pendapatan bersih untuk setiap 1.76 relong ialah \$ 923.00. Lebih luas tanah yang diusahakan, lebih banyak keuntungan yang diperolehi terutama bantuan subsidi.

Perubahan masa dan persekitaran telah membawa perubahan kepada corak tanaman padi. Tidak ada lagi konsep 'berderau' atau 'gotong royong' semasa menanam dan menuai. Semuanya telah diambil alih oleh jentera dan konsep upah memainkan peranan yang penting. Tenaga kerja dalam kegiatan ini terdiri daripada golongan tua. Menurut seorang responden, corak tanaman selerak yang diamalkan telah bermula sejak 1979 kerana kurangnya tenaga kerja. Sedangkan dalam pengerjaan bendang kaedah lama memerlukan ramai pekerja untuk mempercepat penanaman dan penuaian padi. Golongan muda tidak berminat dalam pertanian kerana pendapatan kecil dan hasil yang diperolehi hanyalah setahun sekali.

Menurut responden-responden yang ditemui, mereka mengerjakan tanah sendiri. Konsep menyewa atau memajak tanah kepada orang luar tidak berleluasa. Jika adapun petani yang menyewa tanah, tanah-tanah tersebut adalah tanah ahli keluarga sendiri. Sikap bertolak ansur penting di sini. Bagi golongan yang telah tua dan tidak mampu lagi mengerjakan tanah, mereka menyerahkannya kepada anak-anak untuk diusahakan. Misalnya seorang responden Encik Ismail berusia 80 tahun telah menyerahkan tanah sawahnya untuk

diusahakan oleh anak dan cucunya. Untuk keluasan lima relong tanahnya, beliau diberi ganjaran sebanyak lima ratus hingga enam ratus ringgit pada setiap kali musim menuai.

Pengerjaan tanah sawah tidak lagi merupakan satu warisan dekad ini. Akibat perkembangan sektor perindustrian dan peluang pekerjaan yang banyak di bandar-bandar telah menarik golongan muda untuk meninggalkan sektor pertanian, dan unit keluarga tidak lagi merupakan asas ekonomi yang penting sepertimana yang pernah dicadangkan oleh Chayanov mengenai keluarga tani. Menurutnya,

" normally employed no hired wage labor - none what so ever. His family farms were pure in the sense that they depended solely on the work of their own family members"¹⁸

Apa yang penting sekarang ialah upah. Ahli keluarga tidak lagi penting dalam penanaman padi.

2.5.2 Lain-lain pekerjaan

Pekerjaan kedua yang penting di kampung ini ialah menoreh getah. Seramai 16.7 % penduduk terlibat di dalam kegiatan ini. Pekerjaan menoreh getah dilakukan sama ada di kebun sendiri atau mengerjakan tanah kebun orang lain. Di kampung ini tanah kebun getah yang luas dimiliki oleh orang-orang Cina. Oleh itu ada penduduk tempatan yang bekerja dengan tauke-tauke Cina ini dengan bayaran lima ringgit sehari. Sekiranya hari hujan mereka tidak

¹⁸ A.V. Chayanov, *The Theory of Peasant Economy*, ed. by Daniel Thorner ect, Illinois 1966, m.s. xiii.

menoreh. Bagi penduduk yang mempunyai tanah kebun, mereka mengusahakannya sendiri. Jumlah keluasan tanah kebun adalah kecil iaitu antara satu hingga dua relong. Kebanyakan penduduk menjual getah skrap di bandar Sungai Petani dengan harga tujuh puluh sen sekilo. Jumlah pendapatan bulanan bagi penoreh getah ini adalah lebih kurang 150.00 hingga 200.00 ringgit.

Ada juga pesawah-pesawah yang mengambil upah mengerjakan kebun getah selepas selesai musim menuai. Mereka melakukannya secara sambilan sahaja untuk menambah pendapatan keluarga.

Oleh kerana pendapatan keluarga yang kecil maka golongan belia keluar bekerja di sektor perkilangan untuk menambah pendapatan. Gaji permulaan untuk pekerja-pekerja kilangan adalah di antara 250.00 ringgit hingga 300.00. Pendapatan ini dianggap dapat mengurangkan bebanan kewangan keluarga.

KESIMPULAN

Apa yang telah digambarkan dalam bab ini, menampakkan secara umum kedudukan kampung Sungai Layar Ujong dari aspek geografi, sejarah dan kedudukan ekonominya. Ringkasnya penduduk kampung ini berada di dalam lingkungan golongan petani yang berpendapatan rata-rata di bawah empat ratus ringgit sebulan iaitu di bawah garis kemiskinan. Apa yang didapati oleh pengkaji ialah mereka seolah-olah berpuas hati dengan taraf hidup sekarang iaitu memadai bagi mereka mempunyai tempat tinggal yang selesa, dan mempunyai makanan yang cukup. Keseluruhannya penduduk di sini mempunyai tempat tinggal yang sempurna dan kemudahan infrastruktur.

Kedudukan kawasan kajian dilingkungi oleh pembangunan yang pesat. Ini mempengaruhi kedudukan harga tanahnya juga. Tanah-tanah orang Melayu di sini dalam perhatian beberapa pihak kerana ia amat strategik untuk dimajukan terutama bagi pembinaan kawasan perumahan. Persoalan seterusnya ialah melihat konsep pembahagian tanah Pusaka dan adat sebelum meninjau pembahagian-pembahagian yang dijalankan.